


1 - 15 MEI, 2023

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# RANGKA MANUSIA GUAR KEPAH bakal pulang ke tanah air

Oleh : **YAP LEE YING & SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **SITI NURATIKAH RAHMAT**

**BELANDA –** Selepas lebih 150 tahun, Kerajaan Negeri Pulau Pinang kini dalam usaha membawa pulang semula 41 rangka manusia yang ditemui di Guar Kepah, Kepala Batas dan bakal ditempatkan kembali di lokasi asal penemuannya.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang mengetuai delegasi ke Belanda memaklumkan bahawa usaha itu adalah selaras dengan misi khas yang diumumkan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow sebelum ini.

"Melalui misi (khas) ini, Ketua Menteri mahu rangka-rangka tersebut dibawa pulang dan ditempatkan di Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah dekat Kepala Batas yang kini sedang dalam pembinaan.

"Sebelum ini, rangka berkaitan dibawa dan disimpan di Belanda selepas ia mula ditemui oleh pasukan arkeologi sejak tahun 1860.

"Justeru, bagi merealisasikan inisiatif tersebut, delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengadakan kunjungan hormat rasmi terhadap Menteri Pendidikan, Kebudayaan dan Sains Belanda bagi mengesahkan keberadaan dan kondisi 41 rangka manusia Guar Kepah berkenaan," katanya yang mengetuai delegasi berkenaan selama seminggu bermula 20 Mac lalu.

> **Sebelum ini, rangka berkaitan dibawa dan disimpan di Belanda selepas ia mula ditemui oleh pasukan arkeologi sejak tahun 1860**
>
> **- Ramasamy**

Turut serta, Duta Malaysia ke Belanda, Dato' Nadzirah Osman; Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin dan Pengurus Besar Perbadanan Ketua Menteri (CMI), S. Bharathi.

Serentak dengan sesi kunjungan itu, turut diadakan adalah upacara bersejarah pembukaan kotak-kotak yang menyimpan rangka yang ditemui di bawah timbunan cengkerang di Guar Kepah.

*(Sambungan di muka 2).*




**PROF. Dr. P. Ramasamy (tujuh dari kanan) mengetuai delegasi Kerajaan Negeri ke Belanda bagi mengesahkan keberadaan dan kondisi 41 rangka manusia Guar Kepah selepas lebih 150 tahun. Turut berlangsung adalah penyerahan surat serah semula rangka Guar Kepah kepada Malaysia secara rasmi.**







**SEBAHAGIAN rangka yang tersimpan sekian lama dibuka untuk didokumentasikan.**

(Sambungan dari muka 1).

# Pusat rujukan ketamadunan manusia dan arkeopelancongan


MOKHTAR Saidin (kiri) meneliti rangka-rangka yang sekian lama tersimpan.

Majlis tersebut diselaraskan dengan pihak Kerajaan Belanda yang mana siaran langsung secara dalam talian turut diadakan pada jam 5 petang waktu tempatan bagi membolehkan kerajaan Malaysia membabitkan pihak-pihak berkaitan termasuk Jabatan Warisan Negara (JWN) serta Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) dan Kementerian Luar Negeri menyaksikan upacara itu.

Difahamkan, semua rangka daripada kotak pertama yang diperlihatkan masih dalam keadaan baik.

Menyifatkan upacara itu sebagai bukan sahaja kejayaan penting buat negeri Pulau Pinang, malah Ramasamy berkata bahawa penemuan arkeologi tersebut turut memberikan gambaran hebat mengenai asal usul manusia moden pada hari ini.

Mengulas lanjut, Ramasamy yang juga Exco Pembangunan Modal Insan, Pendidikan, Sains & Teknologi menyatakan bahawa Ketua Arkeologi Pulau Pinang (Projek Guar Kepah), Profesor Dato' Mokhtar Saidin dan pasukannya akan melaksanakan beberapa kajian terhadap rangka-rangka Guar Kepah yang dibuka untuk proses lanjut.

"Malah, beberapa perbincangan juga akan diadakan bagi merealisasikan misi yang penting ini khasnya kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang," ujarnya.

Pada masa ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedang melaksanakan projek pembinaan Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah di atas tanah milik CMI dengan kos RM10 juta yang dibiayai oleh Kerajaan Pusat di bawah Rolling Plan Pertama Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Berdasarkan lawatan Buletin Mutiara ke tapak projek Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah baru-baru ini, difahamkan kerja-kerja pembinaan telah bermula sejak November 2022 dan dijangka siap pada suku pertama tahun 2024.

Bercakap mengenai projek berkenaan, Bharathi berkata bahawa setelah galeri warisan siap dibina, pihaknya akan menempatkan semula hasil penemuan yang pernah ditemukan di tapak arkeologi tersebut.

"Galeri warisan arkeologi akan dilengkapi dengan kemudahan seperti penyaman udara, tandas, pejabat selain mempunyai ruang serba guna untuk aktiviti akademik dan yang berkaitan arkeologi.

"Ini selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan lokasi ini sebagai kawasan arkeopelancongan dan pelancongan berasaskan pendidikan yang mana bukan sahaja dapat menarik kunjungan pakar akademik dalam negara bahkan dari luar negara.

"Lebih penting lagi, galeri ini bukan sahaja akan menempatkan hasil penemuan purba termasuk rangka *'Penang Women'*, malah boleh dijadikan pusat rujukan untuk orang awam mengenai sejarah ketamadunan manusia yang wujud kira-kira 5,000 tahun dahulu," katanya kepada Buletin Mutiara.

Bharathi memberitahu bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebelum ini telah membina galeri arkeologi sementara pada 2017 yang hanya dilengkapi dengan struktur berbumbung separa tetap dan terbuka melibatkan peruntukan hampir RM2 juta.

"Semasa proses pembinaan galeri sementara pada 17 April 2017, pekerja yang bertugas ketika itu menjumpai rangka baharu yang dikenali sebagai *'Penang Women'* di bawah timbunan cengkerang di tapak galeri tersebut.

"Dari situ, kita hentikan kerja penggalian dan Kerajaan Negeri juga ada menyalurkan beberapa peruntukan termasuk pembinaan bumbung separa, kerja ekskavasi serta peruntukan untuk kerja-kerja pembersihan dan kawalan keselamatan.

"Buat masa sekarang, semua penemuan terbaru itu telah ditempatkan di Universiti Sains Malaysia (USM) sementara menunggu galeri warisan siap," katanya yang menambah bahawa keluasan kawasan tapak warisan berkenaan adalah sekitar 2.4 ekar.


ILUSTRASI grafik Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah yang dijangka siap pada suku pertama tahun 2024.


KERJA-kerja pembinaan Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah sedang giat dijalankan.



# Konservasi kubu parit Kota Cornwallis jangka siap sepenuhnya tahun 2025

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN -** Tertimbus kira-kira 100 tahun, sebahagian struktur binaan kubu parit air dekat Barat dan Selatan Kota Cornwallis di tengah-tengah Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town akan dipulihara serta dipelihara semula bagi meremajakan lagi kawasan pelancongan bersejarah jenis kota warisan terbesar dan perdana negeri di sini.

Semasa berucap, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan terkini sebanyak RM14.8 juta bagi pelaksanaan Fasa 5 dan 6 projek tersebut mulai tahun 2022 sehingga 2025, sebelum dibuka sepenuhnya kepada pelancong tempatan dan pengembara antarabangsa.

Kata Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi berkenaan lagi, Kerajaan Negeri turut merakamkan penghargaan kepada George Town Conservation and Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCDC) iaitu agensi usaha sama antara Think City Sdn. Bhd. dan Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) serta bantuan kepakaran daripada konsultan antarabangsa, *The Aga Khan Cultural Services* (AKCS) atas penglibatan dalam kerja-kerja pemuliharaan semula struktur bangunan warisan bersejarah Kategori 1 tersebut sejak kira-kira sedekad yang lalu.

"Saya yakin dengan ikatan kerjasama ini, tidak lama lagi kita akan melihat pembangunan keseluruhan Kota Cornwallis yang boleh dijadikan contoh sebagai tapak warisan yang berjaya memaksimumkan aset warisan bernilai tingginya.

"(Kerja-kerja pemuliharaan dan pemeliharaan warisan ketara) ini juga sekali gus dilihat mampu meningkatkan pembangunan serta sosioekonomi negeri dengan pengekalan nilai-nilai sejarah, kelestarian alam sekitar serta mewujudkan ruang awam yang selesa, mampan serta inklusif untuk semua," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan semasa berucap dalam Majlis Pra-Pelancaran dan Lawatan Tapak Projek Penyediaan Parit Kubu Kota Cornwallis pada 14 Mac 2023.

Difahamkan, parit kota berair dengan kelebaran antara 9 hingga 20 meter (m) mengelilingi Kota Cornwallis dibina pada tahun 1804.

Pada akhir tahun 1921/1922, kubu parit berair di kota tersebut ditimbuskan bagi mencegah penularan wabak malaria.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa sebahagian kubu parit sepanjang kira-kira 200 meter (m) akan dibina mengikut piawaian berwajib.

Berucap sebelum itu, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo memberitahu bahawa kerja-kerja pemuliharaan semula sebahagian struktur warisan parit kota dengan kelebaran antara 9m hingga 20m juga adalah penting bagi melengkapkan salah satu daripada 14 komponen projek konservasi di bawah Pelan Induk Pesisir Pantai Utara Pulau Pinang *(Penang Northern Seafront Masterplan).*





ILUSTRASI projek yang bakal dilaksanakan.

"(Fasa 5 dan 6 projek konservasi Kota Cornwallis) ini adalah suatu projek yang begitu penting bagi memulihara warisan (ketara) kita di Pulau Pinang," ujarnya yang juga ADUN Datuk Keramat.

Di bawah pelan induk sama, beliau memberitahu bahawa pelaksanaan Fasa 5 dan 6 di Kota Cornwallis adalah projek kesinambungan kepada projek pengukuhan dan penambahbaikan tembok penahan ombak berserta sesiaran pejalan kaki sepanjang 570m dari Medan Selera Renong ke Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di Jalan Tun Syed Sheh Barakbah yang berjaya disiapkan sebelum ini.

## Usaha MBSP pulihara, pelihara Sungai Perai dipuji

**PERAI -** Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) akan membelanjakan RM440,000 bagi menaik taraf kawasan lapang berhampiran Taman Inderawasih dan Taman Kimsar di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa cadangan menaik taraf laluan pejalan kaki dan trek berbasikal sepanjang 300 meter (m) berkaitan akan menambahkan lagi daya tarikan pada keindahan alam semula jadi dan ekologi Sungai Perai di sini, apabila projek tersebut siap sepenuhnya pada 16 April lalu.

"Di sepanjang Sungai Perai ini, kita (Kerajaan Negeri melalui MBSP) lakukan inisiatif projek-projek (berkaitan) alam sekitar dan ekologi misalnya Laman Hijauan Perai, Taman Rekreasi Taman Tunku (Seberang Jaya), Taman Rekreasi Awam Sembilang (Seberang Jaya) dan Taman Bandar.

"Justeru, saya merasakan (majlis pecah tanah projek naik taraf kawasan lapang ini) suatu permulaan yang baik," jelasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi semasa merasmikan majlis pecah tanah projek tersebut di sini pada 4 Mac 2023.

Turut serta, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai; Datuk Bandar MBSP, Dato' Azhar Arshad; Setiausaha Bandaraya MBSP, Ir. Baderul Amin Abdul Wahab dan beberapa Ahli Majlis bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Di samping itu, Kon Yeow yang juga Ahli Parlimen Batu Kawan merangkap ADUN Padang Kota turut merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) kerana memberi peruntukan kepada MBSP bagi menjayakan projek tersebut.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau menyatakan Think City Sdn. Bhd. (Think City) sebelum ini pernah melaksanakan kajian mengenai Sungai Perai.

"Mungkin satu langkah seterusnya adalah menjemput Think City untuk membentangkan dapatan daripada kajian berkenaan dan kongsikan hasilnya dengan MBSP dan semua pemegang taruh di sekitar Seberang Perai ini untuk melihat bagaimana kita dapat menambah baik ataupun melihat bagaimana nilai semula jadi Sungai Perai dapat diuruskan dengan sebaiknya kepada kehidupan kita.

Menurut Kon Yeow lagi, sangat besar harapan buat MBSP untuk menggunakan apa jua cara bagi mendapatkan peruntukan untuk melaksanakan kerja-kerja memulihara dan memelihara Sungai Perai ini.

"Kita (Kerajaan Negeri) berharap MBSP menggunakan apa juga saluran untuk mendapatkan peruntukan supaya projek-projek ekologi di sepanjang Sungai Perai ini dapat dilaksanakan untuk membawa manfaat kepada rakyat negeri Pulau Pinang sendiri.

"Walaupun ini akan menjadi suatu projek pelancongan ekologi yang baik, tetapi akhirnya kita mahu rakyat kita sendiri dapat menikmati suatu mutu hidup yang lebih baik," ujarnya.



# Kejayaan pencetus

CHONG Eng (berbaju ungu) merakam gambar kenangan bersama-sama wakil-wakil berkaitan dan tiga keluarga kanak-kanak istimewa berkenaan.

**DILAHIRKAN** dengan sepasang kaki yang tidak sempurna seperti insan lain bukan penghalang buat **MUHAMMAD NUR FARIS GHAZALI**, 18, untuk terus mencabar kemampuan diri serta memburu pingat dalam acara renang peringkat Asia Tenggara.

Ibunya, **KHALIJAH ISMAIL**, 53, berkata bahawa anaknya itu bakal menempuhi ujian masa pada bulan Mei 2023 dan jika layak, beliau akan mewakili negara dalam Sukan Para ASEAN (APG) ke-12 Kemboja di Phnom Penh dari 3 hingga 9 Jun depan.

"Sama ada anak saya layak atau tidak adalah bergantung kepada kemampuannya sendiri dan jurulatih (**ANG TEAN HIN**, 64).

"Sebagai ibu, saya senantiasa memberi semangat kepadanya, bukan sahaja untuk membawa pulang pingat kepada negara, malah kejayaannya itu akan menjadi sumbu inspirasi bagi 'adik-adik' yang sepertinya di luar sana," jelasnya kepada wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR** ketika ditemui dekat The TOP @ Komtar di sini pada 24 Februari 2023.

Muhammad Nur Faris sejak lahir telah menghidap sindrom tiada tulang punggung atau *'Sacral Agenesis'* dan hanya bergerak dengan bantuan papan selaju *(skateboard)*.

Semasa berusia 11 tahun, dengan sokongan ibunya, Muhammad Nur Faris menyertai program mencungkil bakat bersama-sama 30 pelajar orang kurang upaya (OKU).



KHALIJAH Ismail.

> **"Dalam Para Sukan Malaysia 2022, Muhammad Nur Faris masuk empat acara dan berjaya membawa pulang satu pingat emas dan memecah rekod kebangsaan, malah dalam tiga acara lain beliau turut mendapat perak.**
>
> **- Khalijah**

Peribahasa Melayu ada mengatakan, 'belakang parang jika diasah lagikan tajam', begitulah juga dengan kegigihan Muhammad Nur Faris yang pada akhirnya menempa kejayaan dalam temasya-temasya sukan yang disertainya.

Bekas pelajar Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Junjung berkenaan dalam Para Sukan Malaysia XIX Perak 2018 berjaya meraih pingat emas bagi Kategori 50 meter (m) kuak dada serta perak melalui 200m gaya bebas.



ANG Tean Hin.

"Dalam Para Sukan Malaysia 2022, Muhammad Nur Faris masuk empat acara dan berjaya membawa pulang satu pingat emas dan memecah rekod kebangsaan, malah dalam tiga acara lain beliau turut mendapat perak.

"Saya memang nak tengok anak saya beraksi dalam Sukan Olimpik Paralimpik suatu hari nanti, dengan syarat dia mesti kuat semangat dan terus cabar kemampuan diri," ujarnya lanjut.

Pada majlis sama, turut diraikan ialah **UMAR HAFIY HARITH**, 7, kanak-kanak OKU kategori serupa dengan Muhammad Nur Faris yang juga bergerak dengan papan selaju.

**NURUL FATHIAH NOORDIN**, 33, iaitu ibu kepada Umar Hafiy berkata bahawa kisah kejayaan Muhammad Nur Faris dalam arena sukan sedikit sebanyak memberi inspirasi kepada anaknya serta anggota keluarga yang lain.

"Apabila saya mendapat tahu, di sebalik kejayaan Muhammad Nur Faris ini ada beberapa individu penting seperti Puan Khalijah dan 'Coach Ang', ia memberi semangat untuk anak saya," ulasnya.

Beliau memberitahu bahawa anaknya kini belajar di sekolah biasa seperti kanak-kanak lain memandangkan beliau tiada masalah pemikiran serta petah bercakap.

"Anak saya belum menjalani sebarang latihan renang, hari ini baru berjumpa dengan 'Coach Ang' dan ditawarkan latihan secara percuma.

"Saya berbesar hati dengan peluang yang diberikan kepada anak saya, saya harap suatu hari nanti beliau juga boleh menempa kejayaan, jika kuat semangat dan bersungguh-sungguh seperti 'abang' Muhammad Nur Faris," jelasnya sambil mengucapkan penghargaan kepada Pejabat Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam atas penganjuran majlis pertemuan sekalian anggota keluarga bagi kanak-kanak istimewa berkenaan.

Dalam majlis tersebut, turut diraikan ialah keluarga kepada remaja OKU kategori *'Cerebral Palsy'*, **MUHAMMAD NAFIS RAZIZ**, 13.

*(Sambungan di muka 5).*

# remaja OKU inspirasi dua 'adiknya'

Turut petah bercakap bahasa kebangsaan dan bahasa Mandarin, difahamkan Muhammad Nafis mengalami gangguan tumbuh kembang saraf pada kedua-dua kakinya, walaupun boleh berdiri dan berjalan.

Berucap sebelum itu, Chong Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang memberitahu bahawa tujuan majlis jamuan tengah hari diadakan untuk mempertemu ketiga-tiga keluarga bagi kanak-kanak istimewa berkenaan.

"Golongan OKU juga ada kemampuan untuk mencapai apa yang mereka impikan, mereka juga boleh hidup seperti orang lain sekiranya diberikan sokongan oleh semua pihak.

"Jadi, tujuan majlis ini diadakan adalah untuk mempertemukan tiga keluarga berkenaan, supaya kejayaan 'abang' Muhammad Nur Faris boleh memberi inspirasi serta semangat kepada kedua-dua 'adiknya' (iaitu) Umar Hafiy dan Muhammad Nafis untuk berjaya juga," ujarnya sambil merakamkan penghargaan atas program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Restoran The TOP @ Komtar bagi menjayakan pertemuan berkenaan.



(Dari kiri), MUHAMMAD Nur Faris Ghazali, Umar Hafiy Harith dan Muhammad Nafis Raziz ketika ditemui baru-baru ini.

# Silang Kata 'Dari Gabenor Ke TYT'

## Siri 4

Tarikh tutup bagi Siri 4: **2 Jun 2023**

### Melintang

3. Penempatan awal orang Melayu Pulau Pinang
6. Gabenor Pulau Pinang tahun 1942
8. Isteri Tun Abdul Rahman Abbas
10. Undang-Undang Negeri Pulau Pinang
12. Dewan Undangan Negeri
13. Panggilan hormat penghulu di tanah Minangkabau
14. Lokasi pusara Allahyarham Datuk Janatun

### Menegak

1. Warna putih bendera Pulau Pinang
2. Gelaran ketua-ketua Melayu Pulau Pinang
4. Nama lain bagi Haji Mohammad Salleh
5. Tempat kelahiran Allahyarham YAM Raja Tun Uda
7. Ketua Menteri Pulau Pinang pertama
9. Tempat persinggahan kapal
11. Jabatan Perangkaan Malaysia
13. Kerjaya awal Allahyarham Tun Dr. Haji Awang Hassan



**Lengkapkan slogan dibawah:**

Pameran Dari Gabenor Ke TYT menjadi memori terindah buat saya kerana ..............................

..............................

..............................

*(tidak melebihi 20 patah perkataan)*

PENANG 2030 ❤PENANG

BULETIN MUTIARA PSAG PENANG STATE ART GALLERY

**Sila lengkapkan butiran berikut :**

Nama Penuh: ..............................

No. Kad Pengenalan: ..............................

Alamat: ..............................

..............................

..............................

No. Telefon: (Bimbit) ..............................

Emel: ..............................

**Terma & Syarat Peraduan:**

1. Terbuka kepada semua warganegara Malaysia.
2. Lengkapkan silang kata berserta slogan paling kreatif tidak melebihi 20 patah perkataan.
3. Hanya borang penyertaan asli boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar **SATU** penyertaan sahaja.
5. Hanya penyertaan yang lengkap bakal diadili.
6. Penyertaan a hli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
7. Tarikh **TUTUP** bagi Siri 4 ialah **2 Jun 2023**.
8. Sebarang pertanyaan sila hubungi 04-6505564 / 5256 / 5704.
9. Hantarkan penyertaan ke:
   Buletin Mutiara, Peraduan Silang Kata – Dari Gabenor Ke TYT Siri 4,
   Tingkat 47 Komtar, 10503 Pulau Pinang.

**Jawapan silang kata boleh didapati di Pameran Dari Gabenor Ke TYT yang berlangsung di Perpustakaan Awam Pulau Pinang, Balik Pulau bermula pada 16 April – 31 Mei 2023.**

**Hadiah:**

**Pertama:** RM300 + cenderamata eksklusif

**Kedua:** RM200 + cenderamata eksklusif

**Ketiga:** RM100 + cenderamata eksklusif

# *Penang Technology Park@Bertam* bakal tarik pelaburan domestik, FDI

Gambar : **SIEW CHIA EN**

**BERTAM** - Dalam tempoh dua tahun dari sekarang, firma hartanah swasta, *Ideal Property Group* akan membangunkan tanah berstatus pegangan bebas seluas 880 ekar yang dikenali sebagai *Penang Technology Park@Bertam* di sini.

Lokasi industri baharu negeri tersebut akan menawarkan kawasan pajakan untuk pembinaan industri berteknologi tinggi yang sesuai dengan harga jualan tanah antara RM62 hingga RM90 setiap kaki persegi.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pentadbirannya berharap *Penang Technology Park@Bertam* akan menarik lebih banyak lagi pelabur domestik dan pelaburan langsung asing (FDI) ke negeri ini kelak.

"Dengan adanya projek sedemikian (iaitu *Penang Technology Park@ Bertam*), kita dapat menangkis (tanggapan tanpa asas) bahawa Kerajaan Negeri cuma memberi tumpuan pembangunan di bahagian pulau.

"Sebenarnya, ini merupakan suatu persepsi yang tidak berasas (kerana) kalau lihat kawasan-kawasan industri di negeri Pulau Pinang…sememangnya di bahagian Seberang Perai (kini lebih banyak kawasan pembangunan perindustrian)," jelasnya semasa merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek Penang Technology Park@Bertam di sini pada 17 Mac 2023.




**KETUA Menteri, barisan jemputan dan wakil-wakil berkaitan menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Projek Penang Technology Park@Bertam di sini baru-baru ini.**

Menyorot sejarah, Kon Yeow yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi memberitahu bahawa Pulau Pinang suatu masa dahulu pernah memacu pertumbuhan ekonomi secara tradisional dengan bergantung kepada pelaburan pasaran bebas pada era 1960-an.

Namun sejak tahun 1972, beliau menyatakan bahawa corak pertumbuhan ekonomi negeri Pulau Pinang telah berubah wajah dan kini dikenali sebagai 'Lembah Silikon Timur'.

"Berdasarkan lokasi strategik Pulau Pinang, 50 tahun kecemerlangan industri, ketersediaan tenaga kerja mahir dan persekitaran mesra perniagaan, Pulau Pinang kini menjadi destinasi yang lebih popular bagi pelabur yang mencari peluang pertumbuhan di rantau ini," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

Disifatkan sebagai kuasa ekonomi negara, Buletin Mutiara difahamkan bahawa Pulau Pinang pada tahun 2021 mendahului negeri-negeri lain dengan rekod nilai eksport bernilai RM354 bilion.

Momentum perdagangan luar negeri di Pulau Pinang pula melonjak naik 27 peratus pada tahun 2022 berbanding tahun sebelumnya, dengan nilai eksport pada waktu itu berada pada paras tertinggi sebanyak RM452 bilion serta mewakili 29 peratus daripada keseluruhan jumlah nilai eksport negara.

Dari segi pelaburan, Kon Yeow menjelaskan bahawa Pulau Pinang merupakan antara penyumbang utama negara, setelah mencatatkan RM14 bilion dalam pelaburan pembuatannya yang diluluskan pada 2022 serta mewakili 16 peratus daripada keseluruhan jumlah pelaburan pembuatan negara.

Turut berucap, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti merangkap ADUN Pinang Tunggal dan Pengerusi Eksekutif Ideal Property Group, Tan Sri Datuk Alex Ooi.

Menjawab soalan pemberita selepas itu, Alex Ooi memberitahu bahawa pelabur asing yang dijemput membuka industri berteknologi tinggi di *Penang Technology Park@Bertam* bukan hanya dari Republik Rakyat China sahaja, malah dari Amerika Syarikat, Eropah dan Taiwan.

"Kawasan perindustrian ini dibuka kepada semua pelabur khususnya pelabur dalam industri berteknologi tinggi," ulasnya sambil memberitahu bahawa Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi projek *Penang Technology Park@Bertam* dianggarkan bernilai RM4.2 bilion.

# Greatech labur RM1.3 bilion, kembangkan fasiliti di BKIP

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BUKIT TAMBUN** - Penyedia penyelesaian automasi yang berpangkalan di Malaysia, Greatech Technology Berhad (Greatech) merealisasikan perancangan 10 tahun syarikat itu dengan membina fasiliti baharu di Taman Perindustrian Batu Kawan (BKIP) dekat sini dengan nilai pelaburan kira-kira 1.3 bilion.

Ketua Pegawai Eksekutif Greatech, Datuk Tan Eng Kee berkata bahawa fasiliti baharu seluas 500,000 kaki persegi dengan perbelanjaan modal dianggarkan RM200 juta dan perbelanjaan mengurus mencecah RM1.1 bilion itu dikhususkan untuk pengeluaran produk solar.

"Kami (Greatech) bakal membangunkan empat teras utama bermula tahun ini sehingga 2027 nanti melibatkan solar, mobiliti elektrik, sains hayat dan semikonduktor.

"Malah, kami merancang untuk bergerak dari automasi perkilangan ke automasi proses pada 2028 nanti sehingga 2032 yang mana menjadi impian saya secara peribadi untuk merealisasikannya di Malaysia," katanya pada sidang media sebelum menyertai majlis pecah tanah di tapak fasiliti baharu, Greatech Integration (M) Sdn. Bhd. di sini 28 Februari lalu.

Majlis pecah tanah disempurnakan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dan dihadiri oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Liew Chin Tong.

Difahamkan, fasiliti baharu Greatech Integration (M) Sdn. Bhd. dijangka beroperasi pada akhir tahun ini dengan lebih 500 peluang pekerjaan baharu bakal diwujudkan dengan keutamaan diberikan kepada tenaga kerja tempatan.

Dalam pada itu, Pengerusi Lembaga Greatech, Ooi Hooi Kiang berkata bahawa dengan pelaburan mencecah RM1.3 bilion, pihaknya membayangkan Pulau Pinang bakal menjadi hab automasi bertaraf dunia.

"Manakala Greatech bakal menjadi antara 10 syarikat penyedia penyelesaian automasi terkemuka dunia dalam beberapa tahun akan datang," katanya.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan Pelaburan) Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Lim Bee Vian memberitahu bahawa Kerajaan Persekutuan sentiasa menggalakkan semua syarikat di Malaysia untuk mengamalkan ESG iaitu Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus dalam pengoperasian.

"Melalui amalan ESG ini, syarikat berkaitan dapat bersaing dan berdaya tahan untuk menghadapi ketidaktentuan masa depan dan Greatech adalah contoh cemerlang yang boleh dicontohi," jelasnya.

Sementara itu, Chin Tong memaklumkan bahawa Aspirasi Pelaburan Nasional di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) adalah sebahagian inisiatif untuk menarik pelaburan strategik yang memiliki nilai impak ekonomi tinggi.

"MITI akan terus menyokong syarikat-syarikat tempatan dari segi peningkatan kapasiti dan mendorong mereka untuk bersaing pada peringkat global bagi memastikan lebih banyak produk inovatif serta bernilai tinggi buatan Malaysia berada dalam pasaran global," katanya.

Dalam pada itu, Kon Yeow yang juga Ahli Parlimen Batu Kawan merakamkan ucapan tahniah kepada Greatech atas kejayaan mengembangkan pengoperasiannya.

"Syarikat-syarikat yang berpangkalan di Pulau Pinang memainkan peranan yang kritikal dalam menggalakkan pertumbuhan sektor jentera dan peralatan (M&E) di negeri ini.

"Kerajaan Negeri berbangga dengan penglibatan syarikat tempaan seperti Greatech dalam mewujudkan rantaian bekalan komprehensif dalam domain M&E serta automasi di negeri ini.

"(Dan) dari segi pelaburan pula, Pulau Pinang antara penyumbang utama pelaburan sektor pembuatan yang diluluskan dengan RM9.2 bilion direkodkan dari Januari hingga September tahun lalu.

"Malah, sektor M&E sahaja berjumlah RM7.3 bilion mewakili 57 peratus daripada keseluruhan pelaburan di negara ini dari tahun 2020 hingga September 2022 yang mana meletakkan Pulau Pinang pada trajektori yang tepat untuk menjadi hab pembuatan peralatan global.

"Saya yakin, kekuatan yang ada pada syarikat tempatan yang akan mengukuhkan lagi kedudukan Pulau Pinang sebagai Lembah Silikon di Timur," ujarnya pada majlis berkaitan.

Dalam perkembangan berasing, Greateach dan *Tech Dome Penang* turut memeterai memorandum Persefahaman (MoU) bagi menjayakan Program Pemerkasaan Literasi Digital yang bakal memberi manfaat kepada sekolah-sekolah terpilih di negeri ini.

Greatech juga menyampaikan cek cura bernilai RM300,000 kepada *Tech Dome Penang* serta cek cura berasingan berjumlah RM100,000 sebagai tanda sokongan terhadap *STEM Showcase 2023 Batu Kawan* yang bakal diadakan kelak.

# Jambatan Tanjung Berembang siap

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**SUNGAI ACHEH –** Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) berjaya menyiapkan projek pembinaan Jambatan Tanjung Berembang di Laluan P169 pada Mei tahun lepas, dengan peruntukan Kerajaan Negeri berjumlah RM28 juta.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa projek infrastruktur awam itu akan menyingkatkan masa perjalanan dari 45 minit kepada 10 minit di samping meningkatkan aksesibiliti pengguna serta rangkaian perjalanan ke hab industri pembuatan dekat Taman Perindustrian Batu Kawan serta *Penang Science Park*.

"Projek ini menandakan satu lagi peristiwa penting dalam pertumbuhan dan kemajuan negeri ini dari segi pembangunan infrastruktur yang seimbang antara bahagian pulau dan Seberang Perai.

"Sehubungan itu, diharapkan agar pihak berkuasa tempatan (PBT) dapat mengambil pendekatan yang holistik bagi memastikan pembangunan di daerah Seberang Perai Selatan dapat berkembang dengan lebih maju untuk dinikmati oleh penduduk setempat," ujarnya dalam Majlis Perasmian dan Penyerahan Jambatan Tanjung Berembang, Nibong Tebal, Laluan P169 di sini pada 25 Februari 2023.

Difahamkan, projek infrastruktur itu mula dijalankan sejak 18 Januari 2016 yang melibatkan struktur pembinaan *'piled embankment slab'*, pembinaan tiga persimpangan utama, kerja tembok penahan, kerja perparitan, pemasangan tanda jalan, perabot jalan serta lampu jalan.



KETUA Menteri dan wakil-wakil terlibat merakam gambar kenangan di laluan Jambatan Tanjung Berembang yang telah siap dibina di sini baru-baru ini.

Projek jambatan sepanjang 2,130 meter (m) dengan perbelanjaan keseluruhan sejumlah RM28 juta itu adalah termasuk kos pengambilan balik tanah berkaitan di sini.

Pada majlis sama, Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan turut menyaksikan gimik penyerahan projek jambatan tersebut oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PDC, Mohammad Azhar Hamdan kepada Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang, Ir. Ahmad Nadzri Abdul Majid.

Bercakap dalam sidang media selepas itu, Kon Yeow memberitahu bahawa penyerahan projek tersebut membolehkan JKR Pulau Pinang mendapatkan peruntukan berwajib di bawah Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) untuk kerja-kerja penyelenggaraan jambatan tersebut dari semasa ke semasa.


RUMAH PANGSA MUTIARA INDAH
FASA 2 (BLOK B)




Keluasan Binaan : 56 mps (Min) - 57 mps (Max)
Harga Jualan : RM186,000 (Min) - RM228,000 (Max)
Bilangan Unit : 24 Unit

Pihak Berkuasa yang Meluluskan
Pelan Bangunan: MPSP
No. Rujukan Pelan Bangunan: MBSP/40/20-75/76(PR1)
Tarikh Dijangka Siap: Oct 2025

PALMINGTON SDN. BHD. (892241-W)
12-01, Penthouse, Wisma Pantai, Jalan Wisma Pantai, Kampung Gajah, 12200 Butterworth.
Tel : 04-324 0088 / 501 0088 Fax : 04-324 0090 Email: tilb@tambunindah.com

HAKMILIK KEKAL
5% Diskaun Untuk Bumiputera

# Dedikasi warga pendidik kekalkan bangunan warisan

JIKA dilihat secara luaran, Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Gelugor yang terletak di Jalan Sultan Azlan Shah, Kampung Gelugor mungkin kelihatan biasa sebagaimana sekolah rendah yang lazimnya di negeri ini.

Namun, tahukah anda bahawa dalam kawasan sekolah tersebut terletaknya sebuah bangunan dua tingkat yang telah dibina pada zaman penjajahan Inggeris berusia hampir 200 tahun.

Walaupun sudah berusia ratusan tahun, namun bangunan itu kini masih lagi utuh hasil dedikasi dan rasa cinta terhadap sejarah warisan dalam kalangan guru-guru SK Sungai Gelugor.

Baru-baru ini, wartawan Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** bersama-sama jurugambar **AHMAD ADIL MUHAMAD** berkesempatan menemu bual Guru Besar SK Sungai Gelugor, **ZAMZURI AB. RAHMAN**, 48, untuk mengetahui dengan lebih lanjut berkaitan usaha guru-guru sekolah tersebut dalam menjaga bangunan warisan itu.

## Sejarah

Memulakan bicara, Zamzuri menjelaskan bahawa SK Sungai Gelugor merupakan sekolah Melayu tertua bukan sahaja di Malaysia tetapi juga Asia Tenggara yang mana bukti mengenai perkara itu kini terdapat di sebuah muzium di Vietnam.

"Arca tersebut mengatakan bahawa sekolah ini sebagai sekolah Melayu tertua di Asia Tenggara, tetapi tidak ramai yang mengetahui mengenai perkara itu, namun kami difahamkan bukti itu kini masih ada di muzium dekat Vietnam," jelasnya.

Mengikut sejarah awal, SK Sungai Gelugor ditubuhkan semasa zaman penjajahan Inggeris di Pulau Pinang iaitu seawal tahun 1826 oleh pengasasnya, David Brown iaitu seorang pemilik ladang di Gelugor.

Menurut Zamzuri, pada awalnya, Francis Light iaitu pengasas penempatan British di Pulau Pinang menjadikan kawasan Gelugor sebagai kawasan utama bagi pekerja-pekerja ladang di sekitar negeri ini.

"Pondok ini pada ketika itu dijadikan sebagai warung kopi dan tempat istirahat para pekerja ladang selain menjadi kandang untuk menyimpan kuda milik pegawai Inggeris.

"Selepas itu, apabila terdapat keperluan untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak pekerja ladang, maka kandang kuda ini dinaik taraf menjadi sebuah sekolah.

"Dan asalnya, sekolah-sekolah ini juga diwujudkan hanya khas untuk anak-anak pekerja ladang di bawah seliaan Francis Light dan David Brown sahaja, cuma selepas itu barulah ia (sekolah ini) mula beroperasi untuk anak-anak rakyat tempatan di kawasan sekitar.

"Dari situlah akhirnya berlaku penambahbaikan kepada bangunan sekolah dan dikembangkan kepada bangunan-bangunan lain iaitu tambahan kepada bangunan asal yang ada ketika itu," katanya.

Tambah beliau, walaupun mengalami perkembangan dari semasa ke semasa, namun bangunan lama yang kini dijadikan galeri warisan oleh pihak pengurusan sekolah (SK Sungai Gelugor) masih dikekalkan sehingga ke hari ini.

"Reka bentuk bangunan lama yang kini dijadikan galeri warisan juga masih dikekalkan, cuma fungsinya sahaja berubah yang mana dahulunya dijadikan sebagai kelas tetapi sekarang diubah menjadi sebuah galeri warisan," katanya.




BANGUNAN utama SK Sungai Gelugor yang tersergam indah.



ZAMZURI Ab. Rahman.

## Usaha kekalkan bangunan warisan

Bagi mengekalkan status sekolah Melayu tertua di negara ini, Zamzuri menyatakan bahawa banyak usaha telah dilaksanakan oleh pihak sekolah terutamanya guru-guru dalam memastikan bangunan warisan tersebut terus terpelihara.

"Kita (pihak sekolah) senantiasa pastikan dari segi struktur asas bangunan ini memang tidak pernah berubah kecuali ada penambahbaikan pada bahagian siling dan yang lain kita hanya ganti sahaja.

"Contohnya, papan lantai yang sudah reput, kita gantikan dengan lantai baru dengan menggunakan bahan daripada papan juga, malah pada masa sama memastikan bentuk asal (struktur) binaan tetap kekal dari dulu hingga sekarang," ujarnya lanjut.






SEBAHAGIAN barangan antik yang terdapat di galeri.

Beliau berkata, setiap pengubahsuaian yang dijalankan membabitkan bangunan berkaitan akan dipantau oleh Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP).

# hampir 200 tahun



ZAMZURI Ab. Rahman (berdiri, lima dari kiri) bersama-sama barisan tenaga pengajar SK Sungai Gelugor menunjukkan sijil dan plak Anugerah Warisan 100 Tahun yang diterima baru-baru ini.

"Kita juga menerima sedikit sumbangan daripada JPNPP untuk kerja-kerja pengubahsuaian tetapi hanya berdasarkan status galeri ini sebagai bangunan sekolah dan bukannya di bawah kapasiti sekolah warisan.

"Oleh itu, kita tidak pernah dapat sebarang dana daripada mana-mana kementerian untuk menaik taraf galeri ini kerana bangunan ini tidak digazetkan sebagai sekolah warisan.

"Hanya kira-kira setahun lepas, kita telah pulihkan semula bangunan ini dan pada masa itulah kita dapat tawaran daripada Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang untuk mencalonkan SK Sungai Gelugor sebagai penerima anugerah tersebut," ulasnya.

Disebabkan itu, kata Zamzuri, inisiatif untuk memelihara dan memulihara bangunan warisan tersebut adalah kebanyakannya datang daripada pihak pentadbir semasa sekolah terutamanya para guru.

"Guru-guru dan pentadbirlah yang membaik pulih dan menghias bangunan ini yang telah terabai sejak sekian lama.

"Dekorasi bilik bangunan warisan adalah hasil kreativiti guru-guru SK Sungai Gelugor yang mana bahan-bahan hiasan ini kita dapatkan daripada pengumpul barangan terpakai dan barangan antik di sekitar Pulau Pinang.

"Bahan-bahan untuk hiasan ini pula kebanyakan diambil secara hutang atau ada pemilik yang sudi menempatkan sementara barang-barang milik mereka di galeri ini tanpa mengenakan sebarang bayaran.

"Barangan yang dikumpul tidak semestinya berkaitan dengan sekolah sahaja malah ada di antara barang-barang yang kita dapat sudah berusia 300 tahun dan tidak ada kaitan pun dengan asal usul penubuhan sekolah ini," katanya.

Tambah Zamzuri, kini pihaknya dalam proses untuk menambah lebih banyak barangan antik berkaitan dengan warisan memandangkan masih banyak barang-barang terutamanya dari Pulau Pinang yang masih belum diperoleh.

"Usaha ini adalah sebahagian daripada langkah untuk menghidupkan dan memastikan bangunan warisan ini dapat dikekalkan dan dipulihara sepenuhnya.

"Oleh kerana kebanyakan harga barangan antik sangat mahal, jadi kami amat mengalu-alukan sekiranya ada pihak yang mahu menyumbang dalam bentuk kewangan atau ingin menempatkan barangan antik milik mereka di galeri ini.




LUKISAN sekolah asal.

"Sekiranya ada mana-mana pihak yang mahu berbuat demikian, mereka boleh berhubung terus dengan pihak sekolah," serunya.

## Aktiviti tingkatkan kesedaran

Mengulas lanjut, Zamzuri menyatakan bahawa pelbagai program telah dianjurkan oleh pihak sekolah bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan para pelajar mengenai nilai sejarah bangunan warisan berkenaan.

"Salah satu inisiatif yang dilaksanakan adalah melalui pengajaran mata pelajaran Sejarah yang mana kita galakkan guru-guru membawa murid menggunakan bangunan ini di samping kita mengaitkan sejarah itu dengan keadaan semasa.

"Kita juga pernah menganjurkan program Karnival Bahasa Peringkat Negeri Pulau Pinang dan kita jadikan galeri ini sebagai lokasi utama majlis untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai bangunan warisan ini.

"Selain itu, kita turut menganjurkan program-program berkaitan pada peringkat sekolah secara berkala yang memerlukan penglibatan para pelajar," ujarnya sambil menambah bahawa SK Sungai Gelugor kini mempunyai seramai 977 murid arus perdana dan 50 murid prasekolah dengan jumlah tenaga pengajar seramai 66 orang.

## Harapan

Ditanya mengenai harapan, Zamzuri menyatakan bahawa beliau mahu bangunan tersebut diletakkan di bawah kategori warisan sepenuhnya sekiranya fakta sejarah serta bukti-bukti yang ada pada masa ini adalah benar.

"Selaku pentadbir sekolah, menjadi harapan saya untuk melihat bangunan ini kekal sebagai salah satu warisan yang ada di Pulau Pinang dan juga di negara ini.

"Kami memang mengharapkan bantuan untuk pemuliharaan dan memastikan bangunan ini dapat dijaga dan diuruskan dengan baik.

"Apabila kita terima anugerah daripada Kerajaan Negeri baru-baru ini, kita berharap agar Pejabat Warisan Negara akan memainkan peranan untuk mengiktiraf sekolah ini sebagai sekolah warisan.

"Pengiktirafan ini menjadi tiket untuk pihak sekolah memohon peruntukan daripada pihak warisan selain kita mahu orang ramai buka mata bahawa di Pulau Pinang juga terdapat sekolah rendah yang ada bangunan warisan yang masih terjaga rapi," tegasnya.

Tambah beliau, pihak sekolah juga kini dalam proses membuat permohonan untuk menambah bangunan baharu untuk menampung jumlah pelajar prasekolah yang semakin bertambah.

"Kita mahu bangunan baru dibina di kawasan lapang yang masih ada untuk menampung keperluan semasa kerana SK Sungai Gelugor kini mempunyai masalah kekurangan bilik darjah," jelasnya.



BANGUNAN 'warisan' dua tingkat yang telah dibina pada zaman penjajahan Inggeris berusia hampir 200 tahun.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari<br>tanjongbunga@bukitbendera.org | (T) 04 - 818 3866 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtar@dappg.org | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
